SIA CHIU CHUAN

lwn.

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
ABDUL KARIM JALIL PK
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO: 16NCvC-15-10-2012]
21 MEI 2013

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Semakan kehakiman - Certiorari - Permohonan - Deklarasi - Sama ada semakan kehakiman di luar jangka masa - Sama ada terdapat merit dalam semakan kehakiman - Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 53 k. 3(6)*

PERKATAAN & ISTILAH: *"diberitahu kepada pemohon" - Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 53 k. 3(6) - Sama ada kegagalan menyampaikan maklumat melucutkan dan memudaratkan hak pemohon*

Dalam semakan kehakiman yang difailkan di bawah A. 53 k. 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') ini, plaintif, yang merupakan seorang yang menjalankan aktiviti perdagangan 'barter trade' di bawah strategi pembangunan ekonomi Kerajaan Negeri Melaka, memohon, antara lain: (i) perintah *certiorari* untuk membatalkan keputusan defendan-defendan yang menamatkan aktiviti *barter trade* plaintif di Pelabuhan Barter Trade Sungai Rambai; (ii) deklarasi ke atas defendan-defendan; (iii) perintah bahawa defendan-defendan membayar ganti rugi; dan (iv) perintah untuk menggantungkan semua prosiding dalam persoalan. Pada 27 Mac 2012, pegawai dari pejabat defendan kedua, telah menelefon dan menjemput plaintif untuk menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Barter Trade Sungai Rambai ('mesyuarat') pada 28 Mac 2012. Namun, kehadiran plaintif pada tarikh tersebut bersama keraninya tidak dilayan dan diendahkan, bahkan keputusan telah dibuat untuk menamatkan operasi plaintif. Sehubungan itu, plaintif telah menghantar surat bertarikh 30 Mac 2012 memohon penjelasan lanjut tetapi tidak dijawab oleh defendan kedua. Plaintif juga tidak dimaklumkan secara rasmi atau melalui surat mengenai keputusan mesyuarat itu. Sebaliknya pada 1 Julai 2012, defendan pertama, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, telah mengambil tindakan untuk menutup aktiviti perniagaan *barter*

A *trade* plaintif. Plaintif seterusnya membuat permohonan semakan kehakiman ini. Walau bagaimanapun, defendan-defendan telah mengemukakan bantahan bahawa permohonan oleh plaintif telah difailkan di luar jangka masa di bawah A. 53 k. 3(6) KKM. Plaintif pula menyatakan bahawa bantahan defendan-defendan tidak tepat
B dan tidak bermerit atas alasan bahawa A. 53 k. 3(6) KKM mempunyai dua cabang iaitu permohonan semakan kehakiman hendaklah dibuat segera dalam tempoh tiga bulan: (i) dari tarikh bila alasan bagi permohonan itu mula-mula berbangkit; dan (ii) bila keputusan itu mula-mula dimaklumkan kepada pemohon.

C

Diputuskan (membenarkan permohonan semakan kehakiman):

(1) Dalam mempertimbangkan isu kelewatan permohonan sebegini, mahkamah tidak seharusnya bersikap mekanikal atau terlalu teknikal sehingga mengetepikan dasar keadilan kepada
D sesetengah pemohon terutamanya rakyat jelata yang diletakkan dalam keadaan tertentu untuk mencabar sesuatu keputusan pihak berkuasa awam. Setiap kes hendaklah dipertimbangkan berdasarkan fakta dan keadaannya tersendiri dan pendekatan seimbang hendaklah diikuti dalam mencari satu keputusan yang
E seadilnya. (perenggan 9)

(2) Pendekatan yang diambil defendan-defendan kelihatan tidak seimbang dan boleh mempunyai kesan ketidakadilan kepada pemohon, iaitu seorang pemain aktif dalam mendokong dan
F melaksanakan dasar *barter trade* Kerajaan Negeri Melaka. Hakikat ini tidak dinafikan oleh defendan-defendan terutamanya kos dan perbelanjaan yang telah dilakukan sebanyak RM7 juta serta penglibatan plaintif yang sudah menjangkau sepuluh tahun. (perenggan 13)

G

(3) Penghujahan defendan-defendan bahawa keputusan mesyuarat tidak semestinya diberitahu secara rasmi atau bertulis, telah mengabaikan maksud cabang kedua dan mengetepikan kedudukan khas plaintif. Cabang kedua menyatakan dengan
H jelas 'bila keputusan itu mula-mula diberitahu kepada pemohon'. Frasa 'diberitahu kepada pemohon' dengan jelas menghendaki plaintif diberitahu secara terus, berkesan, dan rasmi dan bukan bersahaja atau secara spontan. (perenggan 14)

I

(4) Hak dan kepentingan plaintif tidak dilucutkan atau dimudaratkan di antara tarikh 28 Mac 2012 sehingga 1 Julai 2012, sehinggalah hak itu dihalang dan dilarang pada 1 Julai 2012. Pada tarikh itulah plaintif menjadi seorang yang sungguh terkilan. Dengan itu, permohonan plaintif adalah teratur dan plaintif telah berjaya membangkitkan satu kes yang boleh diperdebatkan (perenggan 18 & 19)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Rahman Abdullah Munir & Ors v. Datuk Bandar Kuala Lumpur & Anor [2008] 6 CLJ 805 CA ***(dirujuk)***

Ahmad Jefri Mohd Jahri v. Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors [2010] 5 CLJ 865 FC ***(dirujuk)***

M & W Zander (M) Sdn Bhd v. Director General of Inland Revenue [2005] 6 CLJ 336 HC ***(dirujuk)***

Md Aris Zainal Abidin v. Suruhanjaya Pasukan Polis & Anor [2002] 4 CLJ 10 CA ***(dirujuk)***

Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur v. Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd [2010] 5 CLJ 123 CA ***(dirujuk)***

Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v. The Minister Of Labour And Manpower & Anor [1983] 2 CLJ 7; [1983] CLJ (Rep) 266 FC ***(dirujuk)***

Pendor Anger & Ors v. Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar & Ors [2012] 1 CLJ 346 HC ***(dirujuk)***

Regina (Burkett) v. Hammersmith and Fulham London Borough Council and Another [2002] 1 WLR 1593 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Customs Act 1967, s. 33

Rules of Court 2012, O. 53 r. 3(2), (6)

Sumber-sumber yang dirujuk:

KJ Aiyar's, *Judicial Dictionary: A Complete Law Lexicon*, 2001, p 227

Law Lexicon With Legal Maxims, vol 1, p 457

Anandan Krishnan, *Word, Phrases & Maxims Legally & Judicially Defined (C0924),* p 684

Bagi pihak plaintif - Mogan Karupiah; T/n Mogan Karupiah
Bagi pihak defendan - Najwa Bistaman; Peguam Persekutuan

Dilaporkan oleh Shah Saharudin

PENGHAKIMAN

Abdul Karim Jalil PK:

[1] Dalam permohonan *ex-parte* (Kandungan 1) bertarikh 1 Oktober 2012 plaintif telah memohon kebenaran, selaras dengan kehendak A. 53 k. 3(2), Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 ('KKM

2012'), untuk memfailkan permohonan bagi semakan kehakiman ke atas keputusan defendan-defendan serta memohon perintah dan relif-relif yang sewajarnya.

[2] Perintah dan relif-relif yang hendak dipohon dalam permohonan semakan kehakiman tersebut antaranya ialah:

(a) suatu perintah *Certiorari* untuk mengusulkan Mahkamah Yang Mulia ini untuk:

(i) membatalkan keputusan Defendan 1 untuk menamatkan aktiviti Barter Trade di Pelabuhan Barter Trade Sungai Rambai, Melaka, pada 1 Julai 2012;

(ii) dan/atau membatalkan keputusan Defendan 2 dan/atau Defendan 3 yang telah memberi kuasa dan/atau mengarahkan dan/atau membenarkan Defendan 1 bagi menamatkan aktiviti Barter Trade di Pelabuhan Barter Trade Sungai Rambai, Melaka pada 1 Julai 2012.

(b) suatu Deklarasi bahawa tindakan menamatkan aktiviti Barter Trade di Pelabuhan Barter Trade Sungai Rambai, Melaka, pada 1 Julai 2012, oleh Defendan 1 adalah bercanggah dan melanggar kelulusan bertulis bertarikh 27.12.2011 yang dikeluarkan oleh Defendan 1 kepada Plaintif.

(c) suatu Deklarasi bahawa keputusan Defendan 2 dan/atau Defendan 3 yang memberi arahan dan/atau menguasai dan/atau membenarkan tindakan Defendan 1 menamatkan aktiviti Barter Trade di Pelabuhan Barter Trade Sungai Rambai, Melaka, pada 1 Julai 2012, adalah tidak sah, salah di segi undang-undang dan equiti dan batal sama sekali.

(d) suatu Deklarasi bahawa tindakan Defendan 1 menamatkan aktiviti Barter Trade di Pelabuhan Barter Trade Sungai Rambai, Melaka, pada 1 Julai 2012, tanpa menghiraukan hak dan kepentingan Plaintif, adalah "*ultra vires*" dan tidak sah, salah di segi undang-undang dan equiti dan batal sama sekali.

(e) suatu Deklarasi bahawa, Mesyuarat Penyelarasan Barter Trade Sungai Rambai yang diadakan oleh Defendan 2 pada 28.3.2012, pada masa 9.30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Tun Ali, Aras 3, Blok Temenggong, Seri Negeri 75450 Ayer Keroh Melaka, dipengerusikan oleh Y. Bhg Datuk Zainal bin Hussin Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Jabatan Ketua Negeri Melaka, tanpa melayani Plaintif, meskipun Plaintif telah dijemput menghadiri mesyuarat tersebut, adalah tidak sah, salah di segi undang-undang dan equiti dan batal sama sekali.

(f) suatu perintah bahawa Defendan 1 dan/atau Defendan 2 dan/atau Defendan 3 dan/atau salah seorang daripada mereka, membayar ganti rugi kepada Plaintif akibat penamatan aktiviti Barter Trade di Pelabuhan Barter Trade Sungai Rambai, Melaka, pada 1 Julai 2012, tanpa menghiraukan hak dan kepentingan Plaintif di perniagaan barter tradenya yang dijalankan selama hampir 10 tahun di kedua-dua hartanah yang dipegang di bawah No. Hak milik 366 Lot 3659 dan No. Hak milik 367 Lot 3888 kedua-duanya di Mukim Sungai Rambai Daerah Jasin, Melaka.

(g) satu perintah bagi menggantungkan semua prosiding dalam persoalan ini (stay of all proceedings herein) di bawah Aturan 53 kaedah 3(5) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, terhadap Defendan-defendan dan/atau salah seorang daripada mereka dan/atau siapa jua pun untuk terus melaksanakan dan/atau tindakan bagi menamatkan aktiviti barter trade di Pelabuhan Barter Trade Sungai Rambai, Melaka.

[3] Bagaimanapun, Peguam Negara telah mengemukakan bantahan atas alasan permohonan ini telah difailkan di luar jangka masa sepertimana yang diperuntukkan dalam A. 53 k. 3(6) KKM 2012.

Fakta Latar Belakang

[4] Dalam memahami isu bantahan yang dibangkitkan, fakta ringkas seperti yang berikut harus dihayati:

(a) Sebagai salah satu strategi pembangunan ekonomi Kerajaan Negeri Melaka, dasar menggalakkan aktiviti perdagangan yang berteraskan Barter Trade di Negeri Melaka telah digubal dan kawasan Sungai Rambai yang terletak bersempadan dengan negeri Johor telah dikenal pasti sebagai salah satu kawasan yang berpotensi untuk aktiviti serta pelabuhan "Barter Trade" tersebut.

(b) Plaintif merupakan salah seorang atau salah satu pihak yang aktif dalam mendukung dasar ini. Plaintif ialah pemilik tunggal perniagaan Top Level Marketing dan juga memiliki dua hartanah yang dipegang di bawah No. Hak milik 366, Lot 3659, Mukim Sungai Rambai Daerah Jasin, Melaka, dan No. Hak milik 367, Lot 3888, Sungai Rambai Daerah Jasin, Melaka. Plaintif telah menjalankan perniagaan barter trade dengan menggunakan jeti persendirian, yang diluluskan oleh defendan 1, di hartanah tersebut selama hampir sepuluh tahun.

(c) Bagi tujuan menjayakan dasar tersebut, plaintif telah mematuhi nasihat, arahan dan peraturan yang telah diberi dan dikenakan oleh defendan 1. Dengan kos dan perbelanjaan sendiri, plaintif bukan sahaja telah membeli hartanah di atas malahan telah menukar syarat hartanah tersebut daripada "pertanian" kepada "bangunan perniagaan" untuk menjalankan perniagaan barter trade berlesen di Pelabuhan Barter Trade Sungai Rambai Melaka. Plaintif telah melabur sebanyak hampir RM7 juta dalam menjalankan aktiviti perniagaan tersebut selama hampir sepuluh tahun itu dan dengan kelulusan defendan 1.

(d) Aktiviti perniagaan tersebut adalah untuk kehidupan (livelihood) plaintif dan keluarganya. Plaintif juga telah berusaha sedaya upaya selama ini untuk memaju dan meningkatkan perniagaan dan pendapatannya.

(e) Pada 27 Mac 2012 lebih kurang pukul 4 petang, plaintif telah menerima satu panggilan talipon daripada seorang pegawai dari pejabat defendan 2. Pegawai tersebut telah menjemput plaintif untuk menghadiri satu perjumpaan pada 28 Mac 2012 pada pukul 9.30 pagi di pejabat defendan 2 di Tingkat 3 Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka. Apabila ditanya akan tujuan mesyuarat itu, pegawai tersebut mengatakan perjumpaan itu ada kaitan dengan perniagaan barter trade plaintif di Sg Rambai Melaka.

(f) Pegawai tersebut juga memaklumkan bahawa satu surat bertarikh 23 Mac 2012 dikatakan telah dialamatkan dan diposkan kepada plaintif dan juga kepada peniaga barter trade yang lain iaitu Sri Purnanmas Sdn Bhd. (Namun, plaintif tidak menerima surat itu sehinggalah pada 29 Mac 2012, sehari selepas perjumpaan pada 28 Mac 2012).

(g) Pada 28 Mac 2012 lebih kurang pukul 8.30 pagi plaintif dan keraninya tiba di pejabat defendan 2 untuk menghadiri mesyuarat tersebut. Begitu juga pihak Sri Purnamas dengan wakil dan peguam mereka. Pada pukul 10 pagi Sri Purnamas dan wakil mereka telah dijemput masuk. Bagaimanapun tiada sesiapa pun yang menjemput plaintif dan keraninya untuk masuk ke dalam bilik mesyuarat.

(h) Pada lebih kurang hampir pukul 10.30 pagi hari yang sama, defendan 2 telah keluar dari bilik mesyuarat itu dan sebelum beliau memasuki pejabatnya yang berhampiran tempat plaintif dan keraninya menunggu, defendan 2 telah bertanya plaintif

dengan soalan "hadir untuk mesyuarat apa?". Plaintif menjawab bahawa dia telah dijemput untuk menghadiri mesyuarat di pejabat UPEN berkenaan dengan perniagaan barter trade plaintif di Sg Rambai. Defendan 2 menjawab "mesyuarat itu telah pun tamat". Plaintif terkejut mendengar kata-kata defendan itu. Plaintif seterusnya menanyakan kenapa dia tidak dipanggil untuk mesyuarat itu, defendan 2 menyoal balik dengan soalan "adakah kamu dijemput?" dan plaintif telah menjawab "ya, kami dijemput melalui talipon semalam". Defendan kemudiannya mengatakan "keputusan telah pun dibuat untuk menamatkan operasi, sama dengan pihak Sri Purnamas, kamu diberi tempoh sebulan". Sebelum defendan 2 memasuki pejabatnya, plaintif lantas meminta izin untuk diberi peluang membincangkan perniagaan barter trade plaintif dengannya tetapi defendan 2 tidak bersetuju dan menyatakan "keputusan telah dibuat", terus masuk ke dalam pejabatnya.

(i) Plaintif kemudiannya menghantar surat bertarikh 30 Mac 2012 memohon penjelasan lanjut berkenaan perkara di atas tetapi tidak dijawab oleh defendan 2.

(j) Plaintif tidak pernah dimaklumkan secara rasmi atau melalui surat berkenaan dengan keputusan mesyuarat tersebut, atau apa-apa maklum balas daripada semua defendan mengenai alasan yang sah atau mencukupi mengenai keputusan menamatkan dan penutupan aktiviti barter trade di Pelabuhan Barter Trade Sungai Rambai, Melaka.

(k) Namun, dengan tiba-tiba pada 1 Julai 2012 defendan 1 telah mengambil tindakan untuk menutup dan menamatkan aktiviti-aktiviti perniagaan barter trade, termasuk perniagaan barter trade berlesen plaintif di Pelabuhan Barter Trade di Sungai Rambai, Melaka.

Bantahan Peguam Negara & Jawapan Plaintif

[5] Seperti dinyatakan, Peguam Negara telah mengemukakan bantahan ke atas kelewatan plaintif yang dikatakan dalam memfailkan permohonan untuk kebenaran ini dalam tempoh masa yang diperuntukkan dalam A. 53 k. 3(6) KKM 2012. Diperhujahkan keputusan pihak berkuasa awam yang ingin dicabar oleh plaintif sebenarnya ialah keputusan yang dibuat oleh defendan 2 dan defendan 3 pada 28 Mac 2012 yang telah memutuskan untuk

menutup operasi Pelabuhan Barter Trade Sungai Rambai. Dalam keadaan ini dan selaras dengan A. 53 k. 3(6) KKM 2012, tarikh akhir untuk plaintif memfailkan tindakan ini ialah pada atau sebelum 27 Jun 2012. Dengan memfailkan tindakan ini pada 1 Oktober 2012, plaintif telah terlewat selama 95 hari. Secara pilihannya, jika keputusan yang hendak dicabar itu melibatkan keputusan defendan 1 yang menolak permohonan plaintif untuk perlanjutan tempoh menggunakan jeti persendirian di bawah s. 33, Akta Kastam 1967 selaras dengan keputusan yang telah dibuat oleh defendan 2 dan/atau defendan 3 melalui surat bertarikh 23 Mei 2012, tarikh akhir untuk memfailkan tindakan ini ialah pada atau sebelum 22 Ogos 2012. Terdapat kelewatan sebanyak 39 hari telah dilakukan oleh plaintif. Kecuali dilanjutkan, ditegaskan bahawa peruntukan mengenai pematuhan had masa ini merupakan peraturan yang keras dan mandatori. Nas autoriti berikut telah disandar dan diikuti untuk menyokong saranan di atas:

(a) *Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v. The Minister Of Labour And Manpower & Anor* [1983] 2 CLJ 7; [1983] CLJ (Rep) 266;

(b) *Abdul Rahman Abdullah Munir & Ors v. Datuk Bandar Kuala Lumpur & Anor* [2008] 6 CLJ 805; [2008] 6 MLJ 704;

(c) *Ahmad Jefri Mohd Jahri v. Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors* [2010] 5 CLJ 865; [2010] 3 MLJ 145;

(d) *Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur v. Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd* [2010] 5 CLJ 123.

[6] Peguam plaintif menghujahkan bahawa bantahan Peguam Negara dalam situasi kes ini tidak tepat dan tidak bermerit. Diperhujahkan bahawa A. 53 k. 3(6), KKM 2012 mempunyai dua cabang iaitu permohonan bagi semakan kehakiman hendaklah dibuat segera dan dalam mana-mana hal dalam tiga bulan:

(i) dari tarikh bila alasan bagi permohonan itu mula-mula berbangkit; (cabang pertama) atau

(ii) bila keputusan itu mula-mula diberitahu kepada pemohon - (cabang kedua).

[7] Peguam plaintif mengatakan bahawa plaintif telah memfailkan tindakan ini dengan segera dan dalam mana-mana hal dalam masa tiga bulan dari tarikh bila alasan bagi permohonan mula-mula berbangkit (cabang pertama). Alasan bagi permohonan mula-mula

berbangkit dihujahkan berlaku pada 1 Julai 2012 kerana keputusan yang dibuat pada 28 Mac 2012 oleh defendan 2 tidak pernah pada bila-bila masa diberitahu secara rasmi kepada plaintif. Seperti mana digariskan dalam kronologi peristiwa dalam penghujahan bertulisnya, plaintif walaupun telah dipanggil untuk menghadiri mesyuarat berkenaan telah tidak dijemput malahan tidak diberi peluang langsung oleh defendan 2, semasa dia hendak ke pejabatnya, untuk mendengar atau membincangkan perkara tersebut dengan plaintif. Dalam keadaan tersebut plaintif menghujahkan bahawa keputusan bertarikh 28 Mac 2012 tidak pernah diberitahu kepadanya dan cabang kedua A. 53 k. 3(6) dikatakan tidak terpakai. Plaintif mengatakan ini melanggar keadilan asasi yang nyata. Alasan mula berbangkit apabila pada 1 Julai 2012 operasi pelabuhan barter trade dan kegunaan jeti persendirian plaintif ditamatkan di tapak perniagaan plaintif secara fizikal dan pada saat itulah plaintif telah menjadi seorang yang terkilan (adversely affected). Dalam keadaan ini, pemfailan tindakan ini pada 1 Oktober 2012 ditegaskan telah menepati kehendak cabang pertama A. 53 k. 3(6), KKM 2012.

[8] Peguam plaintif telah merujuk dan bersandarkan kepada antara lainnya kes-kes dan nas-nas berikut untuk menyokong hujahannya:

(a) *Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur v. Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd* [2010] 5 CLJ 123; [2010] 4 MLJ 360;

(b) *Md Aris Zainal Abidin v. Suruhanjaya Pasukan Polis & Anor* [2002] 4 CLJ 10; [2002] 4 MLJ 105;

(c) *M & W Zander (M) Sdn Bhd v. Director General of Inland Revenue* [2005] 6 CLJ 336; [2005] 4 AMR 416;

(d) *Pendor Anger & Ors v. Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar & Ors* [2012] 1 CLJ 346; [2011] 6 AMR 767;

(e) Anandan Krishnan, *Word, Phrases & Maxims Legally & Judicially Defined* (C0924) di ms. 684;

(f) *Law Lexicon With Legal Maxims* vol. 1 di ms. 457;

(g) KJ Aiyar's, *Judicial Dictionary: A Complete Law Lexicon* 2001 di ms. 227.

Penghakiman Mahkamah

[9] Tidak dipertikaikan bahawa setiap permohonan untuk semakan kehakiman mestilah dibuat dalam tempoh masa yang diperuntukkan dalam A. 53 k. 3(6) KKM 2012. Kecuali dilanjutkan,

kegagalan berbuat sedemikian akan menjadikan permohonan tersebut tidak kompeten di hadapan mahkamah (lihat *Ahmad Jefri Mohd Jahri v. Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors*, *supra*; *Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur v. Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd*, *supra*). Namun begitu dalam mempertimbangkan isu kelewatan dalam permohonan sebegini di mahkamah, saya berpendapat mahkamah tidak seharusnya bersikap mekanikal atau terlalu teknikal sehingga boleh mengetepikan dasar keadilan kepada sesetengah pemohon terutamanya rakyat jelata (citizenry) yang diletakkan dalam keadaan tertentu untuk mencabar sesuatu keputusan pihak berkuasa awam. Dalam hal ini, kes-kes terdahulu yang diputuskan dalam perundangan lama hendaklah disesuaikan dengan perundangan terkini (*Md Aris Zainal Abidin v. Suruhanjaya Pasukan Polis & Anor*, *supra*). Setiap kes hendaklah dipertimbangkan berdasarkan fakta dan keadaannya tersendiri dan pendekatan seimbang hendaklah diikuti dalam mencari satu keputusan yang seadilnya (lihat *Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur v. Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd*, terutamanya keputusan bertentangan (dissenting judgment) YA Zaleha Zahari JCA; *Pendor Anger & Ors*, *supra*; *Regina (Burkett) v. Hammersmith and Fulham London Borough Council and Another* [2002] 1 WLR 1593).

[10] Aturan 53 k. 3(6) KKM 2012 menyatakan:

> Sesuatu permohonan bagi semakan kehakiman hendaklah dibuat segera dan dalam mana-mana hal dalam tiga bulan **dari tarikh bila alasan bagi permohonan itu mula-mula berbangkit** atau **bila keputusan itu mula-mula diberitahu kepada pemohon**.

[11] Selain daripada isu kesegeraan tindakan, dan seperti dihujah oleh peguam plaintif terdapat dua cabang keadaan bagi menentukan bila perkiraan masa tiga bulan itu dimulakan (seperti diberi tekanan di atas). Daripada pengubalan peruntukan ini, saya berpendapat dua cabang tersebut tidak boleh dikatakan sama dan sudah semestinya merujuk kepada dua keadaan yang berlainan. Pemohon berhak untuk menentukan cabang mana yang boleh disandar oleh mereka untuk menentukan keadilan dapat dilakukan, prinsip yang semestinya mendasari Aturan ini.

[12] Diperhatikan bantahan Peguam Negara berasaskan ketidakpatuhan plaintif dalam mengambil tindakan dalam masa tiga bulan dari tarikh keputusan bertarikh 28 Mac 2012 yang berkenaan. Cik Najwa Bistamam, peguam persekutuan yang

terpelajar, menghujahkan bahawa cabaran yang hendak dikemukakan semestinya melibatkan suatu keputusan pihak berkuasa awam. Di sini keputusan tersebut ialah keputusan bertarikh 28 Mac 2011 iaitu yang dibuat dalam Mesyuarat Penyelarasan Barter Trade Sungai Rambai, yang dikatakan telah dimaklumkan secara lisan kepada plaintif pada pagi hari itu juga. Berdasarkan tarikh itu, plaintif telah dikatakan terkeluar jauh apabila memfailkan permohonan ini pada 1 Oktober 2012. Peguam persekutuan juga mengatakan, secara alternatif, jika hendak diambil tarikh 23 Mei 2012 sekalipun, plaintif masih lagi telah melangkaui tempoh masa tiga bulan daripada keputusan bertarikh 23 Mei 2012. Dihujahkan, dalam kedua-dua cabang A. 53 k. 3(6), plaintif telah melebihi tempoh masa untuk memfailkan permohonan ini. Dalam mengambil pendekatan ini, peguam persekutuan kelihatan mengakui bahawa terdapat beberapa tarikh atau keputusan yang boleh dipertimbangkan.

[13] Dalam keadaan istimewa kes ini, saya tidak bersetuju dengan pendekatan yang diambil oleh pihak Peguam Negara. Pendekatan tersebut kelihatan, dan ini memadai, tidak seimbang dan boleh mempunyai kesan ketidakadilan kepada pemohon, seorang pemain aktif (active player) dalam mendokong dan melaksanakan dasar barter trade Kerajaan Negeri Melaka. Hakikat ini tidak dinafikan oleh Peguam Negara terutamanya kos dan perbelanjaan yang telah dilakukan sebanyak RM7 juta dan penglibatan plaintif yang sudah menjangkau sepuluh tahun. Adakah kepentingan atau hak plaintif ini boleh diketepikan begitu sahaja dengan pemberitahuan yang boleh dianggap sebagai pemberitahuan *res gestae* oleh defendan 2, satu cara pemberitahuan yang tidak diwajarkan?

[14] Peguam plaintif mengatakan cabang kedua tidak terpakai di sini kerana plaintif tidak pada bila-bila diberitahu tentang keputusan Mesyuarat Penyelarasan Barter Trade Sungai Rambai yang dipengerusikan oleh Defendan 2. Malahan plaintif dibiarkan dalam kegelapan sehingga tarikh permohonan ini dibuat. Peguam persekutuan menghujahkan bahawa keputusan itu tidak semestinya diberitahu secara rasmi atau bertulis. Pemberitahuan secara lisan memadai dan berkesan untuk mengerakkan jentera masa tersebut. Saya berpendapat penghujahan tersebut mengabaikan maksud cabang kedua berkenaan dan mengetepikan kedudukan khas plaintif di sini. Harus diingati cabang kedua itu menyatakan dengan jelas "bila keputusan itu mula-mula diberitahu kepada pemohon". Seperti dihujahkan oleh peguam plaintif, yang saya bersetuju,

maksud 'communicate' – The ordinary meaning of the word "communicate" is to import, confer or transmit information – *Law Lexicon With Legal Maxim*, 2nd edn," dan bagi konteks cabang kedua ini semestinya: Communication – ... A 'communication' is ordinarily considered to be a deliberate interchange of thoughts or opinions between two or more persons, as distinguished from "*res gestae*" expressions which are spontaneously or instinctively provoked, or made while under such shock or excitement as to preclude the possibility of design - *Words, Phrases & Maxims Legally & Judicially Defined*, Anandan Krishnan, (Tag 5, penghujahan bertulis peguam plaintif, Kandungan 10). Daripada frasa "diberitahu kepada pemohon" dengan jelas menghendaki plaintif diberitahu secara terus, berkesan dan resmi dan bukan bersahaja atau secara spontan. Daripada peristiwa yang dibentangkan oleh plaintif dalam afidavit dan penyataan mereka, layanan yang diberikan kepada plaintif boleh dikatakan menyedihkan dan boleh dikatakan sebagai pengurusan tadbir urus yang lemah. Harus dicatatkan sebagai pemain aktif, plaintif telah dipanggil oleh pegawai defendan 2 untuk hadir dalam mesyuarat penting itu. Tidak dinafikan penglibatan plaintif diakui oleh defendan 2 dan semestinya mesyuarat itu amat kritikal kepada plaintif kerana melibatkan punca kehidupannya di mana jutaan ringgit telah dibelanjakan. Namun kehadiran plaintif tidak dilayan dan tidak diendahkan. Paling menyedihkan apabila defendan 2 boleh sambil lalu menanyakan siapakah plaintif dan apakah tujuan kehadiran mereka. Lagi menyedihkan apabila permintaan untuk maklumat lanjut dan perbincangan ditolak begitu sahaja dengan sinis. Pada pandangan saya pengataan yang dibuat oleh defendan 2 itu tidak langsung terjumlah kepada pemberitahuan kepada plaintif akan keputusan yang akan menjejaskannya secara langsung. Pengataan seperti yang dilakukan oleh defendan 2 boleh diumpamakan seperti komunikasi *res gestae* yang harus dikeluarkan daripada maksud pemberitahuan dalam cabang kedua itu. Ketiadaan pemberitahuan yang berkesan ini ditunjukkan lagi dengan kegagalan dan keengganan defendan 2 atau pejabatnya untuk menjawab surat bertarikh 30 Mac 2012 untuk dimaklumkan dan diperjelaskan berkenaan dengan keputusan 28 Mac 2012 itu. Dalam keadaan seperti inilah teguran YA Gopal Sri Ram dalam kes *Md Aris Zainal Abidin*, *supra* amat ketepatan di samping menyokong hujahan bahawa tempoh masa mula bergerak pada masa keputusan disampaikan dengan berkesan dan bukannya bermula semata-mata dari tarikh keputusan itu dibuat.

[15] Dalam keadaan di atas, peguam plaintif berhujah bahawa cabang pertama amat ketepatan di sini. Namun Peguam Persekutuan mengatakan bagi tujuan isu dalam persoalan cabaran yang hendak dilakukan mestilah terhadap keputusan pihak berkuasa awam dan ini harus dibezakan dengan tindakan-tindakan yang merupakan ekoran daripada keputusan tersebut. Daripada perspektif tersebut Peguam Persekutuan menyatakan tarikh 1 Julai 2012 bukanlah satu keputusan tetapi lebih merupakan kesan susulan daripada keputusan 28 Mac 2012 dan dengan itu tidak relevan. Peguam Persekutuan juga mengesyorkan, dan ini bertentangan dengan hujahan di atas, bahawa jika hendak diambil tarikh 23 Mei 2012 sekalipun tindakan plaintif masih lagi terkeluar. Sekali lagi saya tidak bersetuju dengan pendekatan tersebut kerana cara tersebut melihat peristiwa dan kejadian yang berlaku secara berasingan dan seolah-olah tidak mempunyai kaitan dengan isu pokok yang berkaitan dengan terkilannya plaintif dalam episod yang dibentangkan.

[16] Dalam hal ini cabang pertama iaitu "dari tarikh bila alasan bagi permohonan itu mula-mula berbangkit" tidak seharusnya bergantung kepada pemberitahuan sesuatu keputusan itu. Alasan bagi permohonan itu mula-mula berbangkit boleh berlaku sebelum atau selepas sesuatu keputusan berlaku. Ruang lingkupnya lebih luas daripada keadaan dalam cabang kedua. Dalam kes *Regina (Burkett) v. Hammersmith and Fulham London Borough Council and Another* [2002] 1 WLR 1593 isu yang lebih kurang sama seperti kes sekarang ini telah ditimbulkan. Secara ringkas, dalam kes ini pemohon-pemohon merupakan penduduk yang tinggal dalam suatu kawasan yang dirancangkan untuk dibangunkan dan mereka telah menitikberatkan kesan alam sekitar akibat daripada pembangunan tersebut termasuk kejadian berhabuk. Pada 6 April 2000 pemohon-pemohon telah memohon kebenaran untuk memohon semakan kehakiman. Permohonan ini telah ditentang atas dasar pemohonan itu telah melebih tempoh masa tiga bulan dari tarikh keputusan yang hendak dicabar (peruntukan tempoh masa untuk semakan kehakiman adalah serupa dengan cabang pertama A. 53 k. 3(6) kita). Dihujahkan tarikh seharusnya bermula dari 15 September 1999 iaitu tarikh resolusi kebenaran lakar untuk pembangunan berkenaan tertakluk kepada beberapa syarat. Maka masa lebih tiga bulan telah berlalu dan permohonan harus ditolak. Pemohon sebaliknya berhujah bahawa tarikh sebenar bagi perkiraan tempoh

masa dalam persoalan semestinya 12 Mei 2000 iaitu tarikh kebenaran lakar perancangan diberikan (granted). Hujahan pemohon-pemohon ditolak di Mahkamah Bicara dan Mahkamah Rayuan tetapi dibenarkan oleh Jawatankuasa Rayuan House of Lords. Menariknya, Lord Slynn of Hadley di ms. 1596 menyatakan:

> In my opinion, for the reasons given by Lord Steyn, where there is a challenge to the grant itself, time runs from the date of the grant and not from the date of resolution. It seems to me clear that because someone fails to challenge in time a resolution conditionally authorizing the grant itself if brought in time, ie, from the date when then planning permission is granted. I realise that this may cause some difficulties in practice, both for local authorities and for developers, but for the grant not to be capable of challenge, because the resolution has not been challenged in time, seems to me wrongly restrict the right of the citizen to protect his interest. The relevant legislative provisions do not compel such a result nor do principles of administrative law prevent a challenge to the grant even if the grounds relied on are broadly the same as those which if brought in time would have been relied on to challenge the resolution.

[17] Lord Styn di ms. 1605 ada menyebut lagi tentang frasa yang sama dalam kes ini seperti yang berikut:

> The case was decided by the Court of Appeal not on the ground of a lack of promptitude in making the judicial review application but on the ground that more than three months had elapsed after the resolution of 15 September 1999. Whether that is the correct date depends on the interpretation and application of the words "from the date when the grounds for the application first arose". If in respect of a challenge to the actual grant of permission time runs (to use convenient shorthand for the statutory words) from the date of the resolution, the decisions below were correct. On the other hand, if in respect of a challenge to the actual grant of permission time runs from the date of the grant, the decision below were wrong. This is the critical issue. In considering this question one must bear in mind that RSC Ord 53, r. 4(1) ... are not specifically targeted at town planning application. These provisions apply across the spectrum of judicial review applications. Making due allowance for the special features of town planning applications, an interpretation is to be preferred which is capable of applying to the generality of cases.

[18] Dalam kes ini, telah diperjelaskan bahawa plaintif tidak diberitahu tentang apakah sebenarnya keputusan yang telah dibuat pada 28 Mac 2012. Bagaimanakah keputusan itu hendak dicabar oleh mereka yang terjejas secara langsung? Persoalan boleh juga ditimbulkan sama ada keputusan pada 28 Mac 2012 itu muktamad atau tertakluk kepada apa-apa syarat lain untuk dimuktamadkan dan jika ada, bilakah masa itu? Jika dilihat daripada surat yang dihantar kepada plaintif ada dirujuk surat daripada pejabat Ketua Menteri, yang plaintif langsung tidak menerimanya. Persoalan ini boleh terjawab, seperti telah saya perkatakan semasa perbicaraan, melalui afidavit jawapan daripada defendan-defendan dalam permohonan substantif. Seperti diputuskan oleh YA Zaleha Zahari dalam kes *Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur v. Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd*, *supra*, pencarian titik yang adil haruslah dilakukan dan dalam kes di atas, tarikh tersebut ialah setelah semua rayuan dilupuskan. Begitu juga di sini, antara tarikh 28 Mac 2012 sehingga 1 Julai 2012 hak dan kepentingan plaintif tidak dilucutkan atau dimudaratkan sehinggalah hak itu dihalang dan dilarang pada 1 Julai 2012. Pada tarikh itulah plaintif menjadi seorang yang sungguh terkilan dan alasan-alasan bagi permohonan ini mula dibangkitkan sepertimana digariskan dalam afidavit dan penyataan A. 53 k. 3(2) KKM 2012.

[19] Sebagai kesimpulan, saya bersetuju dengan penghujahan peguam plaintif dan ekoran daripada itu saya memutuskan bahawa permohonan plaintif adalah teratur. Dengan itu bantahan Peguam Negara ditolak, dan setelah menimbangkan fakta dan hujahan pihak-pihak yang telah dikemukakan saya dapati plaintif telah berjaya membangkit satu kes yang boleh diperdebatkan (arguable case) dan plaintif dengan itu dibenarkan seperti dipohon untuk memfailkan permohonan untuk semakan kehakiman.